| KD 4 | Membina kebolehan mengawal diri (KD 2.2) | 1 | Boleh mengawal emosi sendiri dengan bimbingan. |
| | | 2 | Boleh mengawal diri dalam situasi tertentu. |
| | | 3 | Boleh mengawal diri dalam pelbagai situasi. |

Melalui aktiviti sukaneka bersama ibu bapa, kajian melihat tahap perkembangan emosi kanak-kanak. Menurut Head Start dan Reggio Emilia, aktiviti mampu memberi kanak-kanak belajar mengurus emosi ke arah lebih positif. Menuju ke arah Pendidikan Abad Ke 21 (PAK21), pembangunan emosi kanak-kanak sangat dititikberatkan. Seperti yang pernah dinyatakan oleh Bredekamp dan Coople (1997) guru prasekolah tidak seharusnya menekankan akademik sahaja, tetapi perlu lebih peka terhadap perkembangan secara menyeluruh setiap kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aktiviti kanak-kanak prasekolah bersukaneka bersama ibu bapa membantu perkembangan emosi yang positif sekaligus dapat memberi penambahan dalam pengalaman sedia ada kanak-kanak. Bukan itu sahaja, malah aktiviti sukaneka bersama ibu bapa yang dijalankan di prasekolah biasanya bukan pendedahan aktiviti yang dilaksanakan di rumah. Hal sedemikian biasanya terjadi berikutan daripada beberapa faktor seperti keadaan kanak-kanak tiada ruang dan peluang menjalankan sebarang aktiviti bersama. Dalam kajian Maisarah Mohd Alim dan Syaza Hazwani Zaini (2021) tahap penglibatan ibu bapa tidak begitu memberangsangkan dalam mengendalikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


aktiviti bermain matematik di rumah bersama anak mereka berikutan kekangan masa dan ruang bersama. Dengan perlaksanaan aktiviti seperti Hari Riang Ria Berganding Bahu Bersama Ibu Bapa Prasekolah seperti sukaneka, berkelah di luar kelas bersama-sama, mandi-manda di taman permainan juga mampu membina emosi yang positif.

KSPK (Semakan 2017), menggalakkan Pembelajaran dan Pemudahcara (PdPc) dijalankan secara 3 pendekatan. Iaitu pendekatan bertema, berpusat dan projek. Oleh yang demikian, pengkaji mengenalpasti perkembangan emosi kanak-kanak prasekolah semasa melaksanakan aktiviti Hari Riang Ria Berganding Bahu Bersama Ibu Bapa Prasekolah di taman permainan prasekolah.

Kajian dijalankan untuk melihat perkembangan emosi kanak-kanak ke arah emosi yang positif apabila adanya penglibatan ibu bapa. Kajian ini bertepatan dengan standard kurikulum yang terdapat dalam Tunjang Ketrampilan mengikut Standard Prestasi KSPK (Semakan 2017) anak-anak dalam mengikuti aktiviti Hari Riang Ria Berganding Bahu Bersama Ibu Bapa Prasekolah apabila adanya penglibatan ibu bapa secara langsung. Kajian ini akan melihat pengaruh perkembangan emosi kanak-kanak apabila adanya kerjasama secara langsung ibu bapa. Dapatan kajian Siti Affiza Mohammad, Zaharah Osman dan Azian Niza Abdul Aziz (2021) menunjukkan sebelum aktiviti main peranan kanak-kanak berada dalam keadaan kawalan kendiri impulsif, namun selepas aktiviti main peranan, kanak-kanak berada dalam keadaan kawalan kendiri positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan Martoccio (2015), kanak-kanak sememangnya akan berkembang melalui pelbagai aktiviti agar mencapai perkembangan emosi positif. Dengan aktiviti bersama ibu bapa mampu membantu perkembangan emosi positif kanak-kanak sekaligus dapat menjana kehidupan yang lebih bermakna.

Beberapa kajian seperti dapatan kajian Rohaty Mohd Majzub dan Elis Johannes Hendry Salim (2011) serta kajian Faezah Abd Halim dan Faridah Yunus (2015) di dalam kajiannya ada menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam perkara pembelajaran dan aktiviti kanak-kanak mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan yang positif di samping dapat mempertingkatkan perkembangan emosi kanak-kanak Cooper, Robinson dan Patall (2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut falsafah Friedrich Wilhelm Froebel (1782-1852) yang telah meneraju "play based learning" telah menyatakan kanak-kanak perlu diasuh dalam persekitaran yang menyuburkan jiwa dan minda, seperti pokok-pokok bunga di taman. Oleh itu, ibu bapa sangat penting melibatkan diri di prasekolah bagi bekerjasama mewujudkan suasana memberansangkan dalam memupuk perkembangan emosi positif kanak-kanak.

Perkembangan emosi yang positif terhadap kanak-kanak dapat dilihat berdasarkan hasil kerja yang terhasil dilaksanakan. Bagi melihat perkembangan emosi kanak-kanak, ada 2 faktor yang boleh kita lihat, pertama melalui persekitaran luar. Kedua faktor dalaman diri kanak-kanak itu sendiri (Teori Ekologi Brefenbrenner, 1979). Perkembangan emosi positif kanak-kanak dapat dipupuk melalui sokongan kuat ibu bapa dalam kehidupan mereka. Hal ini pernah dinyatakan berdasarkan kajian Zulkifli Abd Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad dan Ismi Arif Ismail (2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian dijalankan kerana berlakunya situasi yang menunjukkan kanak-kanak yang tidak ada kebolehan dalam mengawal diri ke arah perkembangan emosi positif terutama semasa melaksanakan aktiviti. Hal ini ada kaitan dengan kajian Morrison dalam Mohd Amar Md Arif dan Aziani Yusof (2012) yang menyatakan bahawa, setiap kanak-kanak yang ada penglibatan ibu bapa dalam tugasan dan pembelajaran seharian mampu membina kekuatan dan keyakinan diri mereka berbanding dengan kanak-kanak yang tiada penglibatan ibu bapa dalam kehidupannya.

Dalam kajian Wijirahayu, Krisnatuti dan Muflikhati (2016) ada menyatakan bahawa anak-anak yang tiada hubungan rapat dengan ibu bapa menunjukkan ada masalah pengurusan emosi dan pertumbuhan yang kurang normal. Kanak-kanak yang lazimnya tidak mendapat kerjasama dan perhatian daripada ibu bapa sukar untuk menerapkan emosi positif seperti sabar, bersemangat dan sebagainya semasa aktiviti dijalankan.

Setiap kanak-kanak yang berada di dalam kelas prasekolah adalah daripada sosioekonomi serta persekitaran keluarga yang berbeza cara. Oleh itu, dengan menjalankan kajian ke atas aktiviti semasa Hari Riang Ria Berganding Bahu Bersama Ibu Bapa Prasekolah, pengkaji lebih mudah merungkai sejauhmanakah hubungan ibu bapa membantu perkembangan emosi dalam aktiviti kanak-kanak. Ibu bapa berperanan memberi latihan emosi kepada anak-anak dengan mendidik dan membimbing mereka ke arah emosi yang positif (Rozinah Junaidi, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Isu yang sering timbul di prasekolah adalah masalah ibu bapa tidak mengetahui kepentingan penglibatan mereka dalam aktiviti bersama di prasekolah. Kanak-kanak adalah insan kecil yang sangat memerlukan perhatian dan sokongan seperti yang pernah dinyatakan oleh Henderson dan Mapp dalam Mohd Amar Md Arif dan Aziani Yusof (2012). Kajian ini dijalankan bagi membantu mencapai objektif terhadap masalah penglibatan ibu bapa di prasekolah.

Crandall, Deater-Deckard dan Riley (2015), dapatan kajian menunjukkan, tahap kepekaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam aktiviti kanak-kanak juga mampu mempengaruhi perkembangan emosi mereka. Emosi kanak-kanak dapat dilihat melalui perubahan tingkahlaku kanak-kanak tersebut. Menurut Darmiah (2020) Emosi merupakan tindak balas terhadap seseorang atau situasi. Emosi positif merupakan emosi yang berlaku apabila berada dalam situasi yang baik, emosi yang bertepatan dengan situasi. Sebagai contoh kanak-kanak yang diberi layanan baik ibu bapa berasa gembira, tenang, dan bersemangat.

Kanak-kanak yang sukar mengurus serta mengawal emosi juga mengikut kajian daripada Wijirahayu et al. (2016) mendapati hubungan kasih sayang dan perhatian ibu sangat memainkan peranan. Perapatan adalah satu hubungan ikatan emosi yang akan memberi keadaan yang tenang bagi setiap manusia sejak lahir. Perapatan yang tidak wujud dalam diri seseorang bayi hingga kanak-kanak akan menyebabkan kanak-kanak ini tidak dapat mengawal emosi dan memperolehi emosi ke arah positif. Tingkahlaku yang dipamerkan ialah mudah merengek, putus asa, memberontak, meraung-raung, berguling-guling serta mengamuk (temper tantrum).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dapatan kajian lepas mendapati terdapat kekangan masa ibu bapa dalam melakukan aktiviti bersama anak-anak. Masalah kurang sambutan dalam penglibatan ibu bapa juga berpunca daripada kurangnya pengetahuan ibu bapa mengenai aktiviti anak-anak di prasekolah serta ibu bapa kurang sedar kepentingan perkembangan emosi kanak-kanak berlaku semasa proses melakukan aktiviti bersama dilaksanakan (Rozinah Junaidi, 2016).

Kajian dijalankan berdasarkan situasi kanak-kanak kurang dalam mengawal emosi semasa aktiviti dijalankan kerana tiada pengalaman sedia ada semasa berada di rumah. Pengkaji melihat adakah aktiviti di prasekolah mampu meransang perkembangan emosi positif dengan keterlibatan ibu bapa secara langsung di prasekolah. Abdul Munir Ismail dan Mohd Noor Daud (2020) menyatakan kesibukan tugas harian dan kealpaan membahagikan masa, ramai di kalangan ibu bapa tidak dapat memberi perhatian kepada anak-anak mereka

Bukan itu sahaja, malah ibu bapa kurang melibatkan diri dalam aktiviti prasekolah kerana tuntutan urusan kerja. Kebanyakkan ibu bapa kurang peka dengan bidang kurikulum anak-anak di peringkat awal kanak-kanak juga ingin dilihat melalui aktiviti bersama ibu bapa di prasekolah dalam aktiviti Hari Riang Ria Berganding Bahu Bersama Ibu Bapa Prasekolah. Pendedahan sebegini akan membantu pihak ibu bapa tentang secara keseluruhan tunjang yang diterapkan di peringkat prasekolah. Antara perkara utama yang dititikberatkan adalah kesejahteraan emosi kanak-kanak ke arah yang lebih positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Morris, Criss, Silk dan Houltberg (2017) menyatakan bahawa isu yang sering timbul adalah kepentingan penglibatan ibu bapa yang tidak dianggap satu teras yang sangat penting dalam perkembangan emosi kanak-kanak. Abdul Munir Ismail dan Mohd Noor Daud (2020) bahawa pendidikan dengan pemerhatian dan pengawasan bermaksud memerhatikan anak serta menemaninya dalam pembentukan akhlak, menjaga serta mendampinginya dalam pelengkapan rohani dan sosialnya, dan sentiasa menjaga dalam hal perkembangan anak tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan kerana ingin merungkai pengaruh kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti bagi menjana emosi anak ke arah yang lebih bermakna.

## 1.4 Objektif Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1) Mengenalpasti perkembangan emosi positif kanak-kanak semasa aktiviti dijalankan bersama ibu bapa.
2) Meneroka aktiviti bersama ibu bapa yang bersesuaian dalam perkembangan emosi kanak-kanak.
3) Mengenalpasti peranan ibu bapa dalam meransang perkembangan emosi kanak-kanak prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.5 Persoalan Kajian

1) Sejauhmanakah perkembangan emosi positif kanak-kanak semasa aktiviti dijalankan bersama ibu bapa?
2) Apakah aktiviti bersama ibu bapa yang bersesuaian dalam perkembangan emosi kanak-kanak?
3) Bagaimanakah peranan ibu bapa dalam membantu perkembangan emosi kanak-kanak prasekolah?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti kepentingan penglibatan ibu bapa secara langsung dalam perlaksanaan aktiviti penglibatan bersama ibu bapa di prasekolah. Penglibatan ibu bapa mampu meningkatkan tahap perkembangan emosi kanak-kanak dalam aktiviti prasekolah.

Menurut kajian yang dijalankan Froiland (2015) menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa mampu memberi respon dalam perkembangan emosi kanak-kanak di peringkat awal kanak-kanak dengan melibatkan diri bersama-sama dalam aktiviti di luar dan di prasekolah atau tadika mereka. Perkembangan emosi yang lebih positif mudah dipupuk. Sokongan ibu bapa sangat penting dan kini kekangan masa menyebabkan penglibatan ibu bapa terjejas di prasekolah dan tadika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pada zaman kini banyak masalah perkembangan emosi kanak-kanak telah dikenalpasti seperti kemurungan, mengamuk (tantrum) sukar membuat keputusan, kurang komunikasi dan kurang berkerjasama dengan rakan sebaya di dalam kelas (Froiland, 2015). Perkembangan emosi kanak-kanak sangat bergantung kepada kualiti hubungan dengan ibu bapa dan kanak-kanak semasa kanak-kanak awal (Bernier, Carlson & Whipple, 2010). Kajian ini melihat tahap perkembangan emosi kanak-kanak melalui aktiviti Hari Riang Ria Berganding Bahu Bersama Ibu Bapa Prasekolah di samping penglibatan ibu bapa sebagai pengukuhan. Cetusan aktiviti yang melibatkan penglibatan ibu bapa di prasekolah antara kajian yang perlu dijalankan bagi melihat keberkesanan kefahaman ibu bapa dalam keperluan kesediaan perkembangan emosi kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dapatan kajian membantu guru dan ibu bapa dalam menambah nilai serta mengubahsuai perlaksanaan aktiviti Hari Riang Ria Berganding Bahu Bersama Ibu Bapa Prasekolah. Dapatan kajian juga boleh dijadikan sebagai objektif perlaksanaan aktiviti berasaskan cadangan dan kesimpulan yang dibuat. Kajian memberi faedah kepada pihak KPM, tadika, taska, prasekolah, sekolah dan agensi yang menguruskan kanak-kanak.

Rumusan dapatan perlaksanaan aktiviti menjadi pendorong dan idea baru ke arah pentingnya perlaksanaan aktiviti bersama ibu bapa di prasekolah. Kajian memberi info berguna kepada guru prasekolah dalam perlaksanaan aktiviti bersama ibu bapa secara langsung dan tidak langsung tentang kepentingan peranan mereka dalam pembentukan perkembangan emosi kanak-kanak yang stabil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian yang dijalankan ini penting kerana perkembangan emosi peringkat awal kanak-kanak kurang diberi perhatian terutama apabila aktiviti prasekolah bersama ibu bapa dilaksanakan. Kajian perkembangan emosi awal kanak-kanak sangat penting dalam membantu mereka membesar dengan lebih seimbang.

Menurut kajian Rohaty Mohd Majzub dan Elis Johannes Hendry Salim (2011), penglibatan ibu bapa dalam memantau perkembangan pelajaran anak-anak mampu memberi impak positif dalam pencapaian akademik anak. Sekaligus ianya mampu meningkatkan perkembangan emosi anak tersebut kerana telah disokong, didorong serta dipantau ibu bapa.

Kajian Azizi Yahaya dan Madavan (2006), dalam Zulkifli Abd Hamid et al., (2011) mendapati penglibatan ibu bapa sangat penting kerana ianya mampu mempengaruhi perkembangan emosi, fizikal, mental dan keseluruhannya.

Melalui kajian ini, ibu bapa dapat maklumat tentang kepentingan penglibatan ibu bapa dalam membantu kanak-kanak dalam perkembangan emosi positif semasa melaksanakan pelbagai aktiviti bersama ibu bapa. Dengan kajian ini, ibu bapa lebih terbuka melihat bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) merupakan bidang pendidikan yang bukan hanya mementingkan aspek akademik semata-mata tetapi perkembangan emosi juga diutamakan sebagai tunggak perkembangan menyeluruh untuk melahirkan individu yang positif nilai kehidupannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Aktiviti kanak-kanak bersama penglibatan ibu bapa mampu menghasilkan ilmu baru serta mempamerkan pemerhatian positif kanak-kanak terhadap penglibatan sekeliling. Guru hanya perlu bertindak sebagai pemudahcara. Ibu bapa sedar kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan emosi positif kanak-kanak dari peringkat awal lagi. Kajian juga menambah khazanah ilmu yang berhubung dengan dunia PAKK dalam percambahan ilmu dan idea baru bagi meningkatkan potensi anak-anak abad ini.

## 1.7 Skop Dan Batasan Kajian

Skop kajian dilaksanakan di prasekolah di kawasan Rungkup di Daerah Bagan Datoh. Kawasan tersebut merupakan sekolah luar bandar dan mempunyai 15 orang murid sahaja. Sembilan orang kanak-kanak berusia enam tahun dan enam orang kanak-kanak berusia lima tahun. Semua ibu bapa akan terlibat sama.

Jadual 1.3

*Kanak-Kanak Prasekolah Jendela Hati*

| Jantina | 5 tahun | 6 tahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Lelaki | 5 | 4 | 9 |
| Perempuan | 1 | 5 | 6 |
| Jumlah | 6 | 9 | 15 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.7.1 Pemilihan Sampel Kajian

Pengkaji memilih 15 orang kanak-kanak serta pasangan mereka 15 ibu bapa yang terlibat menjadi pasangan anak semasa melakukan aktiviti Hari Riang Ria Berganding Bahu Bersama Ibu Bapa Prasekolah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk induktif yang menggunakan kaedah pemerhatian senarai semak, dan temubual. Melalui pemerhatian senarai semak, pengkaji dapat memerhatikan perkembangan emosi kanak-kanak semasa aktiviti sukaneka bersama ibu bapa. Manakala melalui kaedah temu bual, pengkaji dapat mengetahui pandangan ibu bapa terhadap penglibatan mereka dalam perkembangan emosi kanak-kanak. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengumpul maklumat dengan lebih banyak dan terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji membuat pemilihan persampelan dimensional kerana kajian ini hanya melibatkan kanak-kanak dan ibu bapa daripada sebuah prasekolah sahaja. Beberapa kajian lepas berkaitan persampelan dimensional telah digunakan dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Sebagaimana kajian Maisarah Mohd Alim dan Syaza Hazwani Zaini (2021) yang menggunakan empat sampel kanak-kanak dan tiga orang guru tadika. Manakala Pemilihan dibuat berdasarkan beberapa sebab iaitu faktor keterlibatan semua kanak-kanak dan ibu bapa dalam aktiviti bersama di prasekolah. Mengikut Lincoln dan Guba (1985) menyatakan pemilihan seramai 12 hingga 20 orang sampel untuk ditemubual sudah cukup memadai untuk menjawab persoalan temubual sehingga mampu mendapatkan maklumat sehingga tepu. Pemilihan sampel secara keseluruhan peserta aktiviti prasekolah tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat dari setiap peserta yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pengkaji tidak perlukan sampel yang lebih dalam kajiannya kerana berdasarkan masa serta aktiviti tersebut dijalani mereka. Oleh itu, semua yang terlibat perlu ditemubual bagi memastikan kesesuaian aktiviti, peranan ibu bapa serta perkembangan emosi setiap kanak-kanak dengan melihat perubahan tingkahlaku semasa aktiviti Hari Riang Ria Berganding Bahu Bersama Ibu Bapa Prasekolah.

Jadual 1.4

*Maklumat Waris Kanak-Kanak Prasekolah*

| Responden | Maklumat Kerjaya Waris | | | Anak ke | Jarak ke sekolah (km) |
|---|---|---|---|---|---|
| | Ibu | Bapa | Penjaga | | |
| K1 | PPM | JPAM | | 1-4 | 6 km |
| K2 | PPM | PM | | 1-2 | 18 km |
| K3 | Surirumah | Pengusaha kelapa | | 2-3 | 2 km |
| K4 | Surirumah | Nelayan | | 4-4 | 0.5 km |
| K5 | Belajar | - | Nelayan | 1-1 | 2 km |
| K6 | Guru | Guru | | 1-2 | 40 km |
| K7 | Guru | Pengajar Pusat IT | | 1-3 | 35 km |
| K8 | Kerja kampung | Tiada | | 5-5 | 0.5 km |
| K9 | Surirumah | Pengusaha kelapa | | 2-2 | 2 km |
| K10 | Surirrumah | Pengusaha kelapa | | 7-7 | 4 km |
| K11 | Surirumah | Pengusaha kelapa | | 2-2 | 2 km |
| K12 | Surirumah | Pengusaha kelapa | | 2-2 | 2 km |
| K13 | Guru KAFA | PT Balai Polis | | 4-4 | 1 km |
| K14 | Surirumah | Pengusaha kelapa | | 3-5 | 3 km |
| K15 | PPM | Pekerja Kilang | | 1-2 | 0.5 km |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.7.2 Batasan Kajian

Tiga aspek penting dijadikan garis panduan untuk batasan kajian iaitu sampel, batasan masa dan batasan geografi. Sampel diambil daripada ibu bapa dan kanak-kanak prasekolah. Manakala batasan masa pula melibatkan aktiviti 1 bulan. Dalam pada itu, pengkaji mengambil masa untuk proses suaikenal, latar belakang kanak-kanak diselidik bagi memudahkan aktiviti dilaksanakan dengan lancar. Batasan masa juga melibatkan kelulusan kertas kerja perlaksanaan aktiviti kanak-kanak bersama ibu bapa daripada pihak pentadbir. Bagi aspek ketiga iaitu batasan geografi. Pengkaji meletakkan batasan kawasan, komuniti, pentadbir dan pihak yang terlibat dalam kajian. Kajian hanya berjalan di sekitar sekolah dan kawasan prasekolah sahaja. Penerangan lanjut berkaitan aktiviti penglibatan ibu bapa bersama anak prasekolah sukaneka dibincangkan di Bab Metodologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian




*Rajah 1.1.* Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.9 Definisi Operasional

### 1.9.1 Penglibatan Ibu Bapa

Dalam kajian yang dilaksanakan ini, penglibatan ibu bapa membawa maksud, kehadiran ibu bapa di prasekolah secara aktif dalam memberi kerjasama sepenuhnya semasa aktiviti bergandingan dijalankan. Penglibatan mereka adalah bertujuan untuk melihat peranan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan emosi kanak-kanak.

Kurikulum Te'Whariki sebagai contoh penglibatan ibu bapa sepenuhnya bagi meningkatkan tahap perkembangan emosi anak-anak dan sekaligus meningkatkan perkembangan lain secara seimbang. Penglibatan ibu bapa di dalam kajian ini meliputi kerjasama secara langsung dan tidak langsung yang diberikan oleh pihak ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak-anak semasa di prasekolah mahupun di rumah.

Kasnani Ab. Karim, Norbe Md. Nor dan Nazimah Abdullah (2005) ada menyatakan penglibatan membawa maksud kolaborasi atau usaha sama di antara ibubapa antara dua pihak atau beberapa pihak. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan mampu meneguhkan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak ke arah kejayaannya. Bukan sahaja mendorong ke arah perkembangan anak tetapi dapat melihat sendiri tingkah laku anak-anak ketika berada di prasekolah.

.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.2 Perkembangan Emosi Kanak-Kanak

Perasaan gembira, seronok, sedih, marah, takut wujud dalam diri setiap manusia dan mempengaruhi tindakan, persepsi dan aktiviti kehidupan sehariannya. Oleh itu, pelbagai cara boleh dijadikan kaedah dalam meransang pembentukan, perkembangan emosi positif seseorang kanak-kanak (Arbaie Sujud & Nik Rafidah Nik Mohd Affendi, 2011).

Perkembangan emosi merupakan antara cabang utama pembentukan insaniah yang berjaya. Perkembangan emosi yang positif serta aktif mampu membuahkan dan menghasilkan generasi kanak-kanak yang cemerlang untuk ke tahap seterusnya. Perkembangan emosi yang dilihat dalam kajian yang dilaksanakan ini berkaitan cara anak menerima tugasan, perlaksanaan sesuatu pembelajaran serta kerjasama dan semangat yang akan ditunjukkan kanak-kanak semasa aktiviti dijalankan bersama ibu bapa ataupun waris. Aktiviti bersama ibu bapa dipantau melibatkan suasana sebuah program yang dirancang. Perkembangan emosi anak dinilai berdasarkan kerjasama dan penglibatan ibu bapa.

### 1.9.3 Emosi Positif

Menurut satu kajian daripada Universitas Sumatera Utara (2013) menyatakan emosi positif ialah satu perasaan yang positif dari dalam individu itu sendiri Mohamad Albaree Abdul, Hazhari Ismail, Iylia Mohamad dan Zaharah Osman (2019) menyatakan emosi positif kanak-kanak lahir apabila mereka merasai keseronokkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



melakukan aktiviti. Terdapat tujuh jenis emosi yang tergolong dalam emosi positif, di antaranya ialah impian, keyakinan, cinta, seks, harapan, romansa dan antusiasme. Ketujuh -tujuh emosi tersebut merupakan bentuk emosi yang paling dominan, kuat, dan paling umum digunakan dalam usaha kreatif. Kesemua emosi ini tidak akan mendatangkan kerugian kepada orang lain. Semuanya bergantung kepada keterbatasan penggunaannya. Emosi yang positif mampu meningkatkan motivasi diri individu untuk lebih maju. Emosi yang positif juga menggalakkan tenaga luar biasa untuk mencapai sesuatu objektif.

Dalam kajian mengenai emosi, pengkaji memerlukan dapatan melalui beberapa kaedah. Emosi merupakan sesuatu yang berbentuk internal tetapi mampu mewujudkan dalam bentuk eksternal. Emosi positif kanak-kanak dilihat pengkaji melalui beberapa pemerhatian. Emosi mampu terpamer melalui 5 perubahan pada seseorang individu mengikut situasi.




*Rajah 1.2.* Ekspresi Emosi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pengkaji melihat tingkahlaku positif yang wujud apabila aktiviti bersama ibu bapa dijalankan di prasekolah. Tingkah laku positif seperti gembira dan bersemangat. Ekspresi anak mengungkapkan kata kegembiraan, senyum, ketawa, melompat-lompat, memeluk individu dan sebagainya.

### 1.9.4 Aktiviti Bersama Ibu Bapa

Robert Owen (1771-1854) memegang falsafah bahawa kepentingan pembelajaran dan pengalaman semulajadi kanak-kanak dengan menggunakan bahan konkrit. Aktiviti bersama ibu bapa yang dimaksudkan dalam kajian yang dijalankan adalah aktiviti yang melibatkan tunjang yang terdapat di dalam silibus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kanak-kanak cuba meneroka sesuatu dengan ransangan aktiviti bersama ibu bapa dan dibantu dengan sokongan dan penglibatan ibu bapa secara aktif. Aktiviti yang biasa dilaksanakan adalah Program Sambutan Hari Kemerdekaan. Pembinaan bahan bantu mengajar untuk disediakan di rumah bagi bantu anak seronok belajar membaca. Bergotong royong dalam keceriaan kelas, majlis-majlis prasekolah serta aktiviti semasa pembelajaran dan pemudah cara dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.10 Rumusan

Di dalam bab pengenalan tentang kajian yang ingin dilaksanakan ini, pengkaji melihat perkembangan emosi kanak-kanak semasa penglibatan ibu bapa dalam aktiviti di prasekolah. Bab ini melihat kepentingan, objektif serta merancang tujuan kajian. Bab ini menunjukkan perubahan tingkahlaku kanak-kanak dalam mempamerkan perkembangan emosi mereka semasa menjalani aktiviti bersama ibu bapa. Kesesuaian aktiviti yang dirancang juga diperhatikan pengkaji. Bukan itu sahaja, dalam bab ini menunjukkan kategori sosioekonomi responden bagi mengaitkan penglibatan ibu bapa semasa aktiviti di prasekolah dijalankan.

Bab memperkenalkan tentang asas tujuan kajian ini dijalankan. Pengkaji melihat peranan penglibatan ibu bapa dalam pelbagai agenda di prasekolah di samping melihat kerjasama serta kesungguhan mereka. Dalam pada itu, tujuan kajian melihat perkembangan emosi kanak-kanak itu sendiri apabila pihak ibu bapa turut berperanan dalam mengikuti aktiviti dan berpasangan dengan anak masing-masing. Perkembangan emosi kanak-kanak diperhatikan melalui perubahan tingkah laku serta ekspresi kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi